



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

KENYATAAN MEDIA

HARI HARIMAU SEDUNIA 2023

Hari Harimau Sedunia atau *Global Tiger Day* disambut pada 29 Julai setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan konservasi spesies Harimau Malaya dan habitatnya serta ancaman yang dihadapi.

Harimau Malaya kini diancam kepupusan kerana populasinya berada pada tahap yang amat membimbangkan iaitu kurang daripada 150 ekor di habitat semula jadinya. Dengan jumlah ini, Harimau Malaya akan pupus dalam tempoh 5 hingga 10 tahun akan datang sekiranya tindakan luar biasa tidak diambil.

Pengurangan populasi Harimau Malaya adalah disebabkan kehilangan habitat dan sumber makanan akibat aktiviti pembukaan hutan dan perubahan guna tanah. Harimau Malaya juga menjadi sasaran utama aktiviti pemburuan dan perdagangan haram disebabkan permintaannya yang tinggi di pasaran gelap.

Kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) memandang serius krisis populasi Harimau Malaya yang sedang dihadapi dan komited dalam melaksanakan 9 tindakan luar biasa (*extraordinary actions*) bagi konservasi Harimau Malaya sehingga 2030 melalui 3 pendekatan iaitu mengukuhkan usaha bagi menghentikan penurunan populasi Harimau Malaya, meningkatkan tadbir urus baik dan keberkesanan dalam melaksanakan konservasi Harimau Malaya dan memperkasakan inisiatif bagi memastikan kelangsungan hidup Harimau Malaya.

Inisiatif-inisiatif telah dipergiatkan termasuk menubuhkan Pasukan Petugas Kebangsaan bagi Konservasi Harimau Malaya (*National Tiger Conservation Task Force-MyTTF*) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri; melaksanakan Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (*Biodiversity Protection and Patrolling Programme - BP3*) yang pada tahun ini melibatkan peruntukan sebanyak RM50 juta dan pelantikan 1,500 orang Renjer Komuniti; mengukuhkan kerjasama strategik penguatkuasaan melalui Operasi Bersepadu Khazanah (OBK); menubuhkan Biro Jenayah Hidupan Liar di bawah Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan melaksanakan program konservasi ex-situ di Pusat Konservasi Harimau Malaya (*Malayan Tiger Conservation Centre-MTCC*) di Pahang.

Alhamdulillah, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah menampakkan hasil yang memberangsangkan. Antaranya, pelaksanaan BP3 sejak tahun 2019 telah berjaya menangkap seramai 349 orang pesalah warganegara Malaysia dan 111 orang warganegara asing dengan jumlah sitaan lebih daripada RM112 juta. Selain itu, sebanyak 1,875 jerat yang dijumpai di dalam kawasan operasi telah berjaya dimusnahkan.

Pengukuhan pemeliharaan dan pemuliharaan habitat Harimau Malaya turut diberi penekanan oleh YAB Perdana Menteri dalam Belanjawan 2023 melalui peningkatan insentif kewangan bagi konservasi biodiversiti dan hutan (*Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation - EFT*) kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sebanyak RM150 juta pada tahun 2023 berbanding RM70 juta pada tahun 2022.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Perak di atas kejayaan Taman Negeri Royal Belum, menerima akreditasi di bawah program *Conservation Assured Tiger Standards* (CAT|S). Kejayaan ini telah meletakkan Malaysia sebagai negara pertama di rantau ini yang mendapat pengiktirafan.

Kita tidak boleh berdiam diri sehingga krisis populasi Harimau Malaya berjaya ditangani sepenuhnya. Kita perlu terus mengukuhkan usaha-usaha untuk menyelamatkan Harimau Malaya yang merupakan spesies ikonik dan simbol Jata Negara. Usaha-usaha ini sudah pasti tidak akan tercapai tanpa komitmen padu semua pihak. Justeru, marilah kita sama-sama berganding bahu untuk melindungi Harimau Malaya untuk generasi masa kini dan masa depan.

**NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

29 JULAI 2023

